

BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI &
PELANCONGAN

MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

LAPORAN

FESTIVAL LAYANG-LAYANG KUBANG PASU
2019

TARIKH :

12 & 13 APRIL 2018

TEMPAT :

PADANG RESTORAN BULOH KUNING, KG
BIAK, JLN BUKIT WANG, MKM MALAU,
JITRA.

ANJURAN :

MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU
BERSAMA MAJLIS KEBUDAYAAN DAN
KESENIAN DAERAH KUBANG PASU

1.0 PENGENALAN

Pertandingan Layang-Layang Terbuka Kubang Pasu ini dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti & Pelancongan Majlis Perbandaran Kubang Pasu bersama Majlis Kebudayaan & Kesenian Daerah Kubang Pasu dengan kerjasama Komuniti Jebat Kubang Pasu. Penganjuran acara ini lebih bertujuan untuk memartabatkan permainan tradisi ini. Ia bukan lagi sekadar `permainan kampung,' lebih-lebih lagi dengan penyertaan peserta dari pelbagai latar belakang, termasuk golongan profesional.

2.0 LATAR BELAKANG

Festival yang penuh berwarna warni ini merupakan salah satu acara di dalam aktiviti pelancongan di Daerah Kubang Pasu. Festival layang-layang ini disertai oleh pelayang-pelayang di Daerah Kubang Pasu dan juga pelayang-pelayang daripada daerah-daerah lain. Acara ini turut dipenuhi dengan pertandingan gubahan pulut kuning, bacaan yassin, pemberian sumbangan kepada penduduk kurang berkemampuan di Daerah Mukim Malau dan pertandingan wau atau layang-layang pelbagai kategori.

3.0 HURAIAN PENILAIAN

Para peserta memberikan komen yang positif terhadap program ini. Diharap program ini akan menjadi acara tahunan pada masa akan datang.

4.0 PENCAPAIAN AKTIVITI

Melalui program yang diadakan ini, perpaduan dan keharmonian yang ditonjolkan oleh pelbagai peserta dari pelbagai daerah dapat dilihat dan ia diungkapkan menerusi kreativiti dan kepelbagaian reka bentuk layang-layang yang dihasilkan. Penganjuran program ini turut memberi impak positif, terutama dalam konteks pelancongan kerana ia menjadi platform yang membantu mempromosikan keunikan Daerah Kubang Pasu sebagai destinasi pelancongan.

5.0 GAMBAR PROGRAM





